



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16/01/2018

## Tun Mahathir makin terdesak jatuhkan PAS

BH - 16/1/2018 M. 8

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad disifatkan sebagai semakin terdesak untuk menjatuhkan PAS, apabila mengelirukan rakyat berhubung parti itu dengan kenyataan yang tidak masuk akal.

Berikutan itu, pengerusi gabungan pakatan pembangkang berkenaan yang didakwa dipergunakan DAP untuk melemahkan PAS diminta bertaubat dan kembali ke pangkal jalan.

Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata kenyataan Dr Mahathir bahawa PAS bertanding Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bukan untuk menang, sebaliknya bermatlamat menewaskan gabungan pakatan pembangkang adalah sangat merapu.

### Kembali ke pangkal jalan

"Saranan saya pada Tun (Dr Mahathir), kalau terdesak untuk mengelirukan rakyat pun, biarlah yang masuk akal. Cukuplah, gunakan penghujung usia untuk kembali ke pangkal jalan," katanya kepada BH, semalam.

Dr Mahathir sebelum ini mendakwa PAS bertanding PRU-14 bukan untuk menang, tetapi mahu melihat gabungan pakatan pembangkang itu tewas, dalam usaha mengekalkan kemenangan Barisan Nasional akibat terhutang budi dengan UMNO.

### PAS tak pernah gagal sertai PRU

Mengulas lanjut, Ahmad Samsuri berkata, PAS mula menyertai PRU pada 1955 sebelum negara mencapai kemerdekaan dan sejak itu PAS tidak pernah gagal menyertai PRU, walau apa juga keputusan diterima parti itu.

"PAS pernah hanya tinggal satu kerusi di Parlimen, tetapi PAS tak hanyut atau mati. PAS bangkit kembali," katanya.

Beliau turut menyatakan simpati terhadap parti sekutu DAP kerana perundingan kerusi dalam gabungan pakatan pembangkang hanya bermatlamat memperkuat parti sosialis itu.

Katanya, kerusi potensi DAP tidak terjejas, malah peluang parti itu untuk mengekalkan kemenangan adalah tinggi, jika peratus sokongan pengundi Cina kekal seperti PRU-13.